



**Harian Metro**

**19/08/2009**

**Page: 28**

**Section: Business & Finance**

**Region: Malaysia Circulation: 289315**

**Type: Malaysia - Malay Newspapers**

**Size: 49.00 sq.cms**

**Frequency: MTWTFS**

## Firefly lancar keahlian golf

**S**YARIKAT penerbangan komuniti Malaysia, Firefly Sdn Bhd dengan kerjasama Advantage Golfing Solution (AGS) melancarkan kad jenama baru keahlian Golf AGS-Firefly.

Kad Golf AGS-Firefly itu menawarkan rangkaian tempat bermain golf yang selesa dengan hampir 50 kelab dan resort golf bersekutu untuk dipilih dengan pusingan tanpa had bermain golf pada kadar diskaun sepanjang tahun.

Ketua Pemasaran dan Komunikasi Firefly, Angelina C Fernandez berkata, kerjasama dengan AGS itu membuktikan sokongan syarikat untuk peminat golf.

Selain daripada itu, syarikat penerbangan terabit turut menawarkan diskaun untuk yuran pengendalian bagasi golf; standard elaun bagasi antarabangsa 20 kilogram; tempat duduk yang disediakan, serta snek dan minuman percuma.